



*Pertingkat
kualiti
kehidupan
rakyat bandar*

Merancang pembangunan bersama masyarakat

- **Laksana pelbagai program**
- **Utamakan pandangan rakyat**
- **Perumahan dilengkapi infrastruktur**

muka 2&3





SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nazirul Ikram Sirozi

Pegawai Komunikasi Strategik

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Tan Sri Haji Noh bin Omar menyampaikan piala dan sijil penghargaan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Hasrin Kamal Hashim pada Majlis Perasmian HPBS 2017, Hari Habitat Sedunia 2017 dan Majlis Penyampaian Watikah JPP Negeri Johor di Puteri Harbour, Iskandar Puteri, Johor baru-baru ini. Turut hadir, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique dan Datuk Haji Md. Jais bin Sarday (dua dari kiri).

Tema HPBS 2017 'Merancang Bersama Komuniti'

Libatkan masyarakat dalam perancangan pembangunan

SAMBUTAN Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2017 yang bertemakan Merancang Bersama Komuniti menggunakan pelbagai pendekatan dan program bagi melibatkan masyarakat dalam perancangan pembangunan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, program publisiti dan penyertaan awam seperti Draf Rancangan Pemajuan, Rancangan Struktur Negeri serta Rancangan Tempatan Daerah memberikan peluang kepada komuniti untuk memberikan cadangan dan mengemukakan bantahan berkaitan.

"Usaha ini adalah untuk menggalakkan masyarakat bersama-sama terlibat dalam perancangan pembangunan masa depan di kawasan mereka kerana kita percaya menerusi platform itu pembangunan yang mencerminkan reputasi semua pihak khususnya penduduk tempatan dapat dihasilkan.

"Menerusi program yang dijalankan itu juga, kita percaya ia dapat mewujudkan platform untuk mengumpul idea dan pandangan daripada komuniti secara terbuka dalam usaha menambah baik perancangan serta pembangunan perbandaran mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan HPBS 2017, Hari Habitat Sedunia 2017 dan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Johor di Puteri Harbour, Iskandar Puteri, Johor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Datuk Haji Md. Jais bin Sarday.

Dalam perkembangan berkaitan, Noh memberitahu, kerajaan negeri dan pi-

Sebahagian penjawat awam dan orang ramai yang hadir memeriahkan majlis perasmian.



hak berkuasa tempatan (PBT) seharusnya mematuhi segala dasar dan peraturan yang ditetapkan kerajaan Persekutuan dalam membangunkan sesebuah kawasan sekali gus dapat mengelakkan sebarang permasalahan pada masa akan datang.

Beliau berkata, bagi menjayakan usaha tersebut, kerajaan Persekutuan telah meluluskan tiga dokumen untuk dijadikan rujukan utama proses perancangan pembangunan negara.

Menurutnya, ketiga-tiga dokumen yang diluluskan sebagai bahan rujukan kerajaan negeri dan PBT dalam penyediaan Pelan Perspektif dan Rancangan Tempatan masing-masing adalah Rancangan Fizikal Negara 3 (RFN3), Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2) dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara.

"Sebab itu dalam kita merancang itu su-

dah tentu segala berlaku itu kehendak Allah SWT ditakdirkan ia berlaku tetapi kita juga kena melihat puncanya, kalau berlaku dengan kehendak Allah SWT ia memang di luar kuasa kita tetapi jika ia berlaku akibat kecuai manusia sendiri, sepatutnya kita boleh atasi.

"Jadi, kita perlu merancang dan sebab itu dalam perancangan kita buat, saya berharap kerajaan negeri dan juga PBT dapat mematuhi segala dasar dan nasihat teknikal daripada mereka yang pakar daripada jabatan terlibat yang kita sediakan," katanya.

Noh menambah, adalah penting untuk semua pihak terlibat mematuhi garis panduan tersebut kerana apabila berlaku sebarang masalah seperti bencana, perkara itu bukan hanya melibatkan kerajaan negeri sahaja malah turut membabitkan kerajaan Persekutuan.

Fokus tangani isu perumahan di bandar

HARI Habitat Sedunia 2017 yang bertemakan Housing at the Centre memberi penekanan terhadap isu-isu perumahan di kawasan bandar termasuk menyediakan rumah berkualiti, lengkap dengan infrastruktur dan kemudahan sosial, bertepatan dengan usaha diambil kerajaan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, selain itu, perkara lain yang perlu diberi perhatian di bawah tema itu adalah mengenai peluang menjalankan aktiviti ekonomi serta pembangunan yang mapan.

Menurut beliau, agenda perumahan merupakan sebahagian agenda teras sosial negara bagi menjamin kesejahteraan rakyat sekali gus menjadi tunjang kerajaan menuju ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi pada 2020 yang seterusnya bakal menjadi tahun permulaan dalam Transformasi Nasional 2050 (TN50).

“Kerajaan amat prihatin dan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan perumahan mencukupi, berkualiti dan selesa serta mampu disewa atau dibeli bagi memenuhi keperluan tempat kediaman semua golongan rakyat terutama yang berpendapatan rendah.

“Matlamatnya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memperbaiki mutu kehidupan rakyat di setiap pelosok negara sekali gus memastikan tiada seorang pun daripada rakyat negara ini tertinggal daripada menikmati kepesatan arus pembangunan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2017, Hari Habitat Sedunia 2017 dan Majlis Penyampaian Watikah Pelan-

tikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Johor di Puteri Harbour, Iskandar Puteri, Johor baru-baru ini.

Noh menambah, kerajaan sentiasa peka dengan keperluan rakyat bukan sahaja dalam memastikan bekalan semua jenis rumah untuk rakyat mencukupi, malah turut memberi perhatian rumah yang perlu dinaik taraf dan dibaiki.

Menurut beliau, kerajaan menyasarkan pembinaan sejuta rumah mampu milik (RMM) sehingga penghujung 2017 dan ia akan dilaksanakan oleh pihak PR1MA yang akan membina sejumlah 500,000 unit manakala bakinya akan dibina pelbagai agensi lain termasuk swasta.

“Kemajuan penyampaian dipantau oleh Majlis Perumahan Negara dan sasaran yang ditetapkan dalam proses pencapaian,” katanya.

Noh berkata, usaha menaik taraf dan membaiki rumah sedia ada yang dijalankan kerajaan dengan peruntukan dana RM500 juta selain RM200 juta diperuntukkan bagi membaiki rumah nelayan seluruh negara menerusi pelbagai antaranya Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M).

Selain itu, tambahnya, pihak kementerian juga menawarkan pelbagai



Arca pokok bertemakan 'Sustainable Development' menarik perhatian Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique dan Datuk Haji Md. Jais bin Sarday.

jenis bantuan bagi membeli rumah bagi menangani kenaikan harga rumah seperti Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (Skim MyHome), Skim MyDeposit dan Skim Pinjaman Perumahan (SPP).

Beliau berkata, kerajaan juga menetapkan bahawa pembangunan perumahan akan terus diberi penekanan untuk menyediakan perumahan mencukupi dengan persekitaran selamat, sihat dan sejahtera di samping kemudahan dan taman rekreasi yang lengkap.



Ruang pameran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dengan tema mesra alam.

Aksi sekumpulan penunggang basikal cilik mencuri tumpuan pengunjung.



Sambutan
HARI PERANCANGAN
BANDAR SEDUNIA
& HARI HABITAT
SEDUNIA
11 November 2017
 Puteri Harbour, Iskandar Puteri
 Johor Bahru

Disempurnakan oleh
YB TAN SRI NOH BIN HJ. OMAR
 Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan
 dan Kerajaan Tempatan

PLAN Malaysia

Anjuran Bersama

JPP bantu pertingkat sistem penyampaian PBT

JAWATANKUASA Perwakilan Penduduk (JPP) diingatkan supaya sentiasa menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sebaik-baiknya terutama dalam membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, sehubungan itu, semua anggota JPP di setiap negeri perlu lebih fokus memainkan peranan masing-masing supaya tidak tersasar daripada matlamat penubuhannya.

Menurut beliau, mereka seharusnya menghayati tiga objektif utama penubuhan JPP iaitu yang pertama, menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat manakala yang kedua pula, mewujudkan hubungan baik antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

"Yang ketiga, membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Pada masa sama, kita juga mahu mereka menjalankan pelbagai program yang meninggalkan impak positif ke-



Tan Sri Haji Noh bin Omar menyampaikan watikah kepada JPP Parlimen Pulai pada Majlis Perasmian HPBS 2017, Hari Habitat Sedunia 2017 dan Majlis Penyampaian Watikah JPP Negeri Johor di Puteri Harbour, Iskandar Puteri di Johor Bahru, Johor baru-baru ini.

pada rakyat.

"Di pihak kerajaan pula, kita mewujudkan struktur formal di kawasan bandar dengan membina sebanyak 70 buah Centre of Urban Wellbeing (CUBE) seluruh negara bagi kegunaan JPP se-

jajar dengan usaha memantapkan lagi peranan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2017, Hari Habitat Sedunia 2017 dan Majlis

Penyampaian Watikah Pelantikan JPP Negeri Johor di Puteri Harbour, Iskandar Puteri, Johor baru-baru ini.

Dalam pada itu, Noh berkata, seramai 2,935 orang anggota JPP Negeri Johor telah dilantik bagi penggal kedua sesi 2017-2019 sekali gus menjadikan negeri itu mencapai 79 peratus keanggotaan JPP yang lengkap mengikut zon.

Bagi memantapkan lagi peranan JPP Johor itu, tambahnya, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyalurkan Pemberian Peruntukan Khas berjumlah RM30,000 kepada setiap 20 Ahli Parlimen pada 7 Mac tahun ini bagi penganjuran pelbagai program bersama-sama JPP.

"Peruntukan itu bagi penganjuran program atau aktiviti antaranya gotong-royong, program pendidikan, pengurusan sisa pepejal dan program ramah mesra bersama rakyat," katanya yang mahu aktiviti seumpama itu dipertingkatkan.

Beliau juga berharap inisiatif diambil kerajaan menerusi JPP negeri dengan penganjuran pelbagai aktiviti itu meninggalkan impak positif serta memantapkan lagi peranan JPP dalam menguar-uarkan program dikendalikan kerajaan kepada rakyat.



Tan Sri Haji Noh bin Omar



Tan Sri Haji Noh bin Omar dan Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek bersama ahli-ahli Kelab Kebajikan dan Sukan KPKT (KESKEP) yang berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu dalam ekspedisi baru-baru ini.

KPKT hasilkan pelbagai inovasi baharu

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan terus memainkan peranan mewujudkan pelbagai inovasi baharu yang menghasilkan impak tinggi melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Menterinya, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, terdapat pelbagai sektor dan platform inovasi yang boleh diambil peluang oleh warga KPKT khususnya dalam menghasilkan idea-idea baharu untuk menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Menurut beliau, bagi mencapai matlamat tersebut, penjawat awam perlu berfikir kreatif, kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dengan mencipta inovasi yang menjangkau pemikiran dan keberanian untuk bereksperimen menggunakan kaedah kerja baharu di luar kotak kelaziman.

"Antara inovasi yang boleh diketengahkan adalah penambahbaikan program menerusi kolaborasi strategik melibatkan rakyat secara langsung seperti penglibatan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), pihak berkuasa tempatan (PBT), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya.

"Dalam meniti Revolusi Industri 4.0, menjadi satu kerugian sekiranya budaya inovasi dibiarkan kerana terdapat banyak ruang yang boleh diambil untuk membantu menyelesaikan masalah rakyat," katanya ketika berucap merasmikan Hari Inovasi KPKT 2017 di Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Noh, nilai-nilai kreativiti dan inovasi hendaklah menjadi budaya kerja yang hakiki dan bukannya bermusim atau bertujuan untuk menyertai pertandingan semata-mata.

Justeru, beliau berharap budaya kerja untuk mencipta inovasi terus menjadi keutamaan warga KPKT.

"Sambutan Hari Inovasi KPKT pada tahun ini bertemakan 'KPKT Peneraju Inovasi Bandar'. Tema ini juga selari dengan Agenda Baharu Bandar (New Urban Agenda), ia dapat dibuktikan melalui program-program berimpak tinggi seperti MyBeautiful Neighbourhood (MyBN).



Tan Sri Haji Noh bin Omar menyampaikan anugerah Tokoh Inovasi KPKT 2017 kepada Mohd. Azwan bin Mohd. Ali dalam Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2017 di Putrajaya baru-baru ini. Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPKT, Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek (kiri).

erti MyBeautiful Neighbourhood (MyBN).

"Pelaksanaan inovasi berimpak tinggi ini juga turut dijelaskan dalam kerangka Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Oleh itu, warga kementerian perlu membuat perubahan ketara ke arah mencapai matlamat meningkatkan produktiviti dan menjana kekayaan melalui inovasi," katanya.

Mengulas lanjut mengenai Hari Inovasi KPKT 2017, Noh berkata, terdapat banyak kumpulan daripada pelbagai jabatan dan bahagian di bawah kementeriannya berentap untuk enam anugerah yang dipertandingkan sekali gus membuktikan mereka mempunyai pelbagai idea yang bernas untuk diketengahkan.

"Syabas diucapkan, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat.

"Enam anugerah inovasi yang pertandingan di peringkat kementerian ialah Anugerah Khas Daya Usaha KPKT, Anugerah Pejabat Terbaik KPKT; Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK); Anugerah Tokoh Inovasi KPKT; Anugerah Inovasi Menteri dan The Asia Pacific ICT Awards (APICTA)," katanya.

Beliau turut berharap pengiktirafan yang diberikan kepada pemenang akan menjadi pemangkin kepada usaha-usaha yang lebih cemerlang bagi mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada masa akan datang.

ANUGERAH KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Kumpulan: Bona Fide
PLANMalaysia@Pulau Pinang

Projek: e-RAYUAN (Aplikasi Lembaga Rayuan)

ANUGERAH PERTANDINGAN PEJABAT TERBAIK

Kategori Bahagian: Bahagian Undang-Undang

Kategori Jabatan: Jabatan Kerajaan Tempatan

ANUGERAH KHAS DAYA USAHA KPKT

Pemenang: Khairul Anuar bin Hussin (BKP)

ANUGERAH KHAS TOKOH INOVASI

Pemenang: Mohd. Azwan bin Mohd. Ali

Projek: PLANMalaysia@Selangor

ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM)

Kumpulan: i-Kepoh

Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Kerajaan Tempatan dan PLANMalaysia

Projek: i-Kepoh 2.0 (Pengurusan Aduan PBT)

THE ASIA PACIFIC ICT AWARDS PEMENANG ANUGERAH MERIT BAGI KATEGORI BEST OF E-GOVERNMENT & PUBLIC SECTOR

Kumpulan: i-Kepoh

Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Kerajaan Tempatan dan PLANMalaysia



Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek menunjukkan isyarat 'bagus' pada majlis perasmian Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-Kanak: Pemakaian Standard Malaysia MS966:2017 dan MS2665:2017 di Putrajaya baru-baru ini. Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Esa bin Ahmad (dua dari kanan) dan Presiden Pertubuhan Keselamatan Taman Permainan Malaysia, Tiew Hai San (kanan).

Rangka polisi keselamatan taman permainan kanak-kanak

JABATAN Landskap Negara disaran-kan supaya merangka polisi khusus berkaitan keselamatan taman permainan kanak-kanak agar penyediaan ruang, penghasilan alatan, pembinaan serta penyelenggaraan kemudahan tersebut dilaksanakan secara profesional dan menitikberatkan aspek keselamatan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, anak-anak sebagai aset paling bernilai perlu diberikan yang terbaik justeru, penyediaan ruang dan alatan permainan selamat adalah penting bagi memastikan mereka ceria, riang serta tidak obes.

"Fokus kita adalah terhadap penyediaan permainan kanak-kanak yang berkualiti, selamat dan mampan. Ini bermakna ianya bermula dari peringkat reka bentuk alat permainan dan pemilihan bahan buatannya dari peringkat kilang. Ia perlu dipastikan berkualiti dan selamat.

"Seterusnya adalah peringkat reka bentuk ruang di mana alat permainan ditempatkan dan kaedah pemasangan alat permainan itu sendiri," katanya ketika berucap pada Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-kanak 2017: Pemakaian Standard Malaysia MS 966:2017 dan MS 2665:2017 di Putrajaya baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh



Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek menyaksikan demonstrasi ujian impak tekanan di taman permainan kanak-kanak.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek.

Dalam pada itu, Noh menambah, kerajaan telah membuat semakan semula terhadap skop dan keperluan MS 966:2017 dan mewujudkan standard baharu MS 2665-1:2017 dan MS 2665-

2:2017, yang merupakan langkah tepat bagi meningkatkan kesedaran pihak terbabit dalam pemasangan dan penyelenggaraan taman permainan.

Beliau berkata, standard tersebut amat diperlukan bagi menjamin keselamatan orang awam terutamanya kanak-kanak di kawasan taman permainan daripada sebarang kecederaan

dan kemalangan.

"Adalah diharapkan supaya standard tersebut akan dapat memastikan keselamatan taman permainan di seluruh Malaysia berada pada tahap paling memuaskan dan selamat. Kerjasama dan komitmen padu daripada pelbagai pihak amat diperlukan dalam menjayakan semakan semula dan pelaksanaan standard ini.

"Marilah kita bersama-sama menyokong dan mempraktikkan standard ini dalam pembangunan sesebuah alatan permainan tersebut," katanya.

Sementara itu, beliau memberitahu, kerajaan amat komited dalam membangunkan taman-taman awam di seluruh negara sekali gus melengkapkan kemudahan tersebut dengan keperluan ruang rekreasi melibatkan taman permainan dan alatan permainan kanak-kanak.

Noh menjelaskan, sebanyak 45 taman awam dibina seluruh negara sepanjang 1997 hingga 2013 dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM500 juta dan dalam tempoh dua tahun Rancangan Malaysia Ke-11, peruntukan sebanyak RM57 juta diluluskan melibatkan pembangunan lima taman awam serta 38 projek persekitaran kehidupan.

"Setiap taman yang dibina dipe-
runtukkan antara RM50,000 hingga RM300,000 untuk dilengkapkan dengan alat permainan kanak-kanak dan alat senaman riang," katanya.

BICARA MENTERI*MB Selangor semakin kepanasan*

BARU-BARU ini, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengarahkan semua jabatan, agensi dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor menghentikan langganan Utusan Malaysia dan Berita Harian. Apakah tujuan sebenar beliau mengeluarkan arahan ini sedangkan beliau dan juga rakan seperjuangan sering melaungkan isu kebebasan media?

Oleh itu, saya tertanya-tanya kenapa Azmin begitu takut dengan kedua-dua akhbar tersebut? Kalaupun berita berkaitan Kerajaan Negeri Selangor dilaporkan secara tidak benar, bukankah Azmin mempunyai hak dari segi undang-undang mengambil tindakan?

Alasan yang diberi beliau adalah bahawa Utusan Malaysia dan Berita Harian tidak mempunyai nilai berita dan menyebarkan fitnah adalah satu tuduhan berat dan menampakkan kekalutan Azmin yang semakin bimbang apabila satu demi satu kepincangan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor didedahkan oleh kedua-dua akhbar tersebut. Jika beliau begitu ambil berat tentang isu fitnah, bagaimana pula dengan tuduhan fitnah kepada saya baru-baru ini di media sosial yang dibuat oleh penyokong kuat Kerajaan Negeri Selangor melalui FB Friends of Selangor? Fitnah yang berleluasa di media sosial tentang program mengisi minyak secara percuma oleh saya

» *Sekarang barulah saya faham kenapa banyak masalah rakyat di Selangor tidak dapat diselesaikan. Ia berpunca daripada sikap Azmin yang tidak mengambil peduli pendedahan kedua-dua akhbar tersebut...*

di Tanjong Karang adalah sesuatu tindakan yang amat memalukan dan beliau bagaikan seseorang yang meludah ke langit, akhirnya jatuh ke atas muka sendiri.

Azmin sering mendabik dada kononnya Kerajaan Negeri Selangor di bawah pentadbiran beliau mengamalkan kebebasan bersuara, berintegriti dan sentiasa bersedia menerima kritikan, tetapi kenapakah perlu melarang agensi-agensi kerajaan negeri melanggan akhbar itu? Kalau begitu bagaimanakah Azmin yang begitu bangga menyatakan beliau berjuang untuk rakyat akan mendengar keluhan mereka melalui kedua-dua akhbar tersebut?

Sekarang barulah saya faham kenapa banyak masalah rakyat di Selangor tidak dapat diselesaikan. Ia berpunca daripada sikap Azmin yang tidak mengambil peduli pendedahan kedua-dua akhbar tersebut mengenai masalah rakyat negeri itu kerana menganggap ia satu fitnah.

Apa yang menjadi persoalan kenapakah peringatan berhubung

larangan melanggan kedua-dua akhbar itu hanya dikeluarkan selepas beberapa hari Azmin membentangkan Belanjawan 2018. Adakah Menteri Besar Selangor tersebut bimbang Utusan Malaysia dan Berita Harian akan mendedahkan secara terperinci kepincangan belanjawan yang beliau bentangkan?

Apabila saya mengkaji belanjawan Selangor, saya berpendapat ia perlu dibentangkan semula kerana tidak mematuhi Perlembagaan sedia ada. Edaran notis ralat terhadap butiran belanjawan termasuk peruntukan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris) jelas bertentangan dengan Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan.

Adalah sesuatu memalukan seorang pemimpin yang kononnya sentiasa menonjolkan dirinya membawa kepimpinan dan pentadbiran yang cekap dan berintegriti boleh 'melakukan kesilapan' seumpama itu.

Menyentuh soal belanjawan yang beliau bentangkan juga, saya melihat Azmin hanya bijak menuding jari

mencari kelemahan dan kesalahan kerajaan Barisan Nasional tetapi pentadbiran beliau sendiri tidaklah sehebat mana.

Sebelum ini, Azmin dan sekutu-sekutunya mengkritik belanjawan defisit oleh kerajaan Pusat, tetapi apabila Azmin membentangkan Belanjawan Selangor, defisit yang direkodkan setinggi 26 peratus berbanding Bajet 2018 kerajaan BN iaitu 14 peratus.


Berdasarkan kepada dua isu yang saya bangkitkan ini, saya berpendapat, ia bukan sahaja membuktikan Azmin tidaklah sehebat mana malah Kerajaan Negeri Selangor di bawah pentadbiran beliau hakikatnya penuh dengan masalah.

Tetapi semua itu berjaya ditutupi dengan sandiwara politik Azmin dan Kerajaan Negeri Selangor, namun saya percaya rakyat Selangor tidaklah mudah diperbodohkan. Azmin perlu ingat sekarang zaman teknologi maklumat, sama ada sesuatu perkara itu benar atau tidak, sesuatu perbuatan itu betul atau tidak, rakyat akan dapat mengetahui sekelip mata. Oleh itu, cukup-cukuplah bersandiwara. Uruskanlah Kerajaan Negeri Selangor dengan penuh tanggungjawab dan telus, bukannya dengan retorik dan opera politik!

TAN SRI HAJI NOH BIN OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Ziarah

Tan Sri Haji Noh bin Omar melawat dua anggota bomba iaitu Penguasa Bomba Shazlan Mohd. Hanafiah dan Penguasa Bomba Mohd. Azri Aziz di Hospital Raja Permaisuri Bainun pada 15 November lalu. Kedua-duanya cedera ketika bertugas dalam operasi pemadaman kebakaran silo tangki habuk kayu di sebuah kilang memproses kayu di Kawasan Perindustrian IGB di Tasek, Ipoh, Perak baru-baru ini.



Kursus jahitan

Tan Sri Haji Noh bin Omar menyampaikan set peralatan jahitan kepada peserta Program AZAM Bandar, Putri Syaidatul Nadia binti Ab. Rahim pada Majlis Perasmian Penutup Program AZAM Bandar Projek Harapan 2017 Fasa 4.1, Selangor di Hotel Adamson, Kuala Lumpur pada 5 November lalu.



Bersara

Tan Sri Haji Noh bin Omar menyampaikan cenderahati kenang-kenangan kepada Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Bandar KPKT, Dato' Hafidzah binti Hassan yang bersara wajib pada 9 November 2017. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama hampir 35 tahun dan lebih tiga tahun di KPKT.



Expo Negaraku

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menyempurnakan Majlis Pelancaran Expo Negaraku yang turut dihadiri barisan Kabinet termasuk Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar. Ekspo yang mempamerkan pembangunan dan kemajuan Malaysia sepanjang 60 tahun sejak detik kemerdekaan itu berlangsung selama sebulan bermula 15 November hingga 15 Disember 2017 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.



Agenda Perbandaran Baharu

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek menyempurnakan Perasmian Focus Group Discussion Pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu di Malaysia pada 13 November lalu.



Lawatan kerja

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique mengadakan lawatan ke tandas awam di Hentian Maharani, Muar, Johor selepas mempengerusikan Mesyuarat Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 pada 12 November lalu.



Bertukar

Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek menyampaikan cenderahati kenang-kenangan kepada Ketua Audit Dalam KPKT, Nikrul Tarmizi bin Awalludin yang bertukar ke Jabatan Audit Negara Terengganu berkuat kuasa pada 16 Oktober 2017 selepas bertugas di KPKT kira-kira setahun.



Putera Charles

Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek dan CEO Urbanice Malaysia, Norliza binti Hashim memberikan penerangan kepada Prince of Wales, Putera Charles pada 3 November lalu mengenai Forum Bandar Sedunia ke-9 (9th World Urban Forum) yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 7 hingga 13 Februari 2018.



Ramah mesra

Majlis Ramah Mesra Tan Sri Haji Noh bin Omar bersama warga KPKT yang turut dihadiri oleh para pemimpin tempatan bagi berkongsi dan membincangkan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan inisiatif-inisiatif yang diterima oleh penjawat awam pada 14 November lalu.

TEDUH tingkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat

JABATAN Perumahan Negara (JPN) telah membangunkan Sistem Bank Data Perumahan (TEDUH) dalam usaha memperkemaskan fungsinya sebagai sebuah agensi yang berperanan sebagai perancang, penggubal dan pelaksana sektor perumahan di Malaysia bagi memastikan isu-isu serta pelaksanaan sektor perumahan di negara ini adalah responsif dan berdaya maju.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek berkata, inisiatif tersebut menyediakan satu platform data penawaran dan permintaan perumahan kepada rakyat, agensi kerajaan, badan berkanun serta pemaju swasta.

"Tahniah kepada mereka yang berjaya hasilkan sistem TEDUH terutamanya JPN yang sentiasa berfikir di luar kotak demi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"Saya berharap dengan adanya sistem TEDUH ini, ia akan mempermudah segala urusan perumahan. Orang ramai juga boleh dapatkan info secara pantas melalui aplikasi ini seperti skim-skim perumahan yang disediakan oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan sistem TEDUH kepada JPN secara rasmi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Sistem TEDUH yang dilancarkan pada Karnival Perumahan Mampu Milik (KPM) MAPEX 2017 oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar 11 Ogos lalu melibatkan pengintegrasian dengan kerjasama antara agensi



Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek bersama kakitangan JPN dan KPKT pada Majlis Penyerahan Sistem Bank Data Perumahan (TEDUH) di PICC, Putrajaya baru-baru ini.

Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pemaju swasta dan boleh dicapai melalui aplikasi telefon pintar dan portal di <https://www.teduh.my>.

Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN) merupakan salah satu modul dalam TEDUH yang merangkumi program atau skim termasuklah Program Perumahan Rakyat (PPR), Skim Peru-

mahan Mampu Milik Swasta (MyHome), Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit), Skim Pinjaman Perumahan (SPP) dan Rumah Transit 1Malaysia (RT1M).

Permohonan atas talian melalui SPRN telah dibuka secara rasmi mulai 2 Mei 2017. SPRN boleh dilayari di <https://sprn.kpkt.gov.my>.

» Tahniah kepada mereka yang berjaya hasilkan sistem TEDUH terutamanya JPN yang sentiasa berfikir di luar kotak demi meningkatkan kualiti penyampaian servis kepada rakyat."

DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

TEDUH

Maklumat unit rumah kuota Bumiputera

Peratus pembinaan projek yang dikemaskini oleh pemaju

One Stop Centre carian Projek Perumahan Awam

Perbandingan Hartanah

Carian Pemaju

Tingkatkan budaya Maqasid Syariah dalam urus tadbir negara

DIALOG Eksekutif Maqasid Syariah Dalam Bidang Prasarana dan Persekitaran diadakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi meningkatkan pengaplikasian dan pembudayaan Maqasid Syariah dalam urus tadbir negara.

Ketua Setiausaha KPKT, Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek berkata, penggunaan lima Indeks Syariah Malaysia perlu diberi penekanan supaya dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua lapisan masyarakat.

"Penggunaan lima Indeks Syariah Malaysia yang terdiri daripada menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga maruah dan keturunan serta menjaga harta merupakan indeks syariah pertama di dunia yang digunakan bagi mengukur tahap keberkesanan servis yang diberi kepada rakyat.

"Indeks Syariah ini bukanlah hanya fokus kepada umat Islam sebaliknya memberi penekanan kepada semua golongan. Kepentingan menjaga kemashlahatan manusia amatlah menjadi keutamaan kita dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik," katanya.



Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek menunjukkan draf resolusi KPKT semasa menghadiri Program Dialog Eksekutif Maqasid Syariah Dalam Bidang Prasarana dan Persekitaran di Dewan Kristal, Bangunan KPKT, Putrajaya baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis dialog yang dianjurkan Bahagian Dasar dan Inspektorat, KPKT selaku urus setia Sekretariat Indeks Syariah Malaysia KPKT dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Dewan Kristal, Bangunan KPKT, Putrajaya baru-baru ini.

Program tersebut bertujuan menjana idea dan merangka inisiatif baru dalam kerangka Maqasid Syariah, menambah baik dasar-dasar dan program sedia ada KPKT dan memasyarakatkan pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia.

Sesi dialog ahli-ahli panel mengupas isu-isu berkaitan pembudayaan dan

pengaplikasian Maqasid Syariah dalam tadbir urus melalui dasar dan program KPKT serta mendapatkan pandangan peserta dan seterusnya menghasilkan draf resolusi seperti berikut:

- **Resolusi 1**
Menerapkan Maqasid Syariah dalam penggubalan dasar-dasar KPKT.
- **Resolusi 2**
Mengaplikasikan Maqasid Syariah dan Indeks Syariah Malaysia dalam pelaksanaan Program/Projek/Inisiatif KPKT.
- **Resolusi 3**
Memastikan Jabatan dan Agensi di bawah KPKT melaksanakan program kesedaran dan kefahaman Maqasid Syariah.
- **Resolusi 4**
Menyebarkan pelaksanaan Maqasid Syariah kepada golongan sasaran KPKT.
- **Resolusi 5**
Mendokumentasi dan melaporkan program-program Maqasid Syariah KPKT.



Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek bersama peserta Persidangan Kesihatan Persekitaran PBT 2017 di Putrajaya baru-baru ini.

Konsep pasar sejahtera tumpu aspek kebersihan

SEMUA pasar awam sedia ada dan yang bakal dibina di seluruh negara akan mengguna pakai konsep pasar sejahtera dengan menekankan isu kebersihan, keselesaan dan keselamatan orang ramai.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, langkah itu dibuat bagi mencegah penularan jangkitan penyakit yang berpunca dari pasar awam yang kotor.

"Pada 2009, telah berlaku peningkatan kes penyakit kencing tikus dan diikuti dengan jangkitan selesema burung (H5N1) tiga tahun selepas itu kerana kebersihan khususnya di pasar-pasar awam kendalian pihak berkuasa tempatan (PBT) diabaikan.

"Sebagai langkah serta-merta, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mewujudkan garis panduan pusat penyembelihan ayam, itik dan lain-lain unggas berkuat kuasa Januari 2014 di kawasan PBT," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Kesihatan Persekitaran PBT 2017 di Putrajaya baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha KPKT, Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek.

Noh menambah, garis panduan itu khusus untuk mencegah kejadian selesema burung yang dikaitkan dengan pasar awam yang tidak



Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek diberi penerangan oleh Ermawati Ab. Basir tentang alat menangkap anjing liar yang dipamerkan pada Persidangan Kesihatan Persekitaran PBT 2017.

mempunyai tahap kebersihan memuaskan.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, konsep tersebut juga mengikut saranan yang dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Dalam pada itu, beliau turut meminta semua PBT melaksanakan penarafan bintang tandas awam di kawasan seliaan masing-masing supaya premis berkenaan sentiasa bersih, selesa dan selamat digunakan.

Pada masa sama, beliau turut menggesa orang ramai supaya membudayakan amalan penjagaan dan penggunaan tandas secara beretika.

"Selain itu, bagi memastikan pengurusan dan kebersihan tandas awam, pihak kementerian melalui Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan juga telah menjalankan beberapa siri kursus berkonsepkan Strategi Lautan

» Pada 2009, telah berlaku peningkatan kes penyakit kencing tikus dan diikuti dengan jangkitan selesema burung (H5N1) tiga tahun selepas itu..."

TAN SRI HAJI NOH BIN OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Biru Kebangsaan (NBOS) dengan penglibatan pelbagai pihak bagi meningkatkan tahap kebersihan dan keselesaan tandas awam.

"Contohnya, KPKT telah menganjurkan kursus dengan kerjasama Malaysia Airport Holdings Bhd. (MAHB), Latihan Pengauditan dan Star Rating Tandas Awam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta KLIA2 dengan melibatkan peserta terdiri daripada pengurus besar kanan, pengurus-pengurus kanan, pengurus, pegawai eksekutif, ketua-ketua syarikat konsesi pembersihan bersama penyelia," katanya.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

JBPM bantu mangsa banjir Pulau Pinang

SERAMAI 736 anggota bomba terlibat dalam operasi menyelamatkan di Pulau Pinang ekoran banjir yang melanda negeri itu baru-baru ini.

Menurut Pusat Pengurusan Operasi, Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), operasi yang dijalankan membabitkan pemindahan mangsa-mangsa yang terperangkap dalam banjir dan membawa mereka ke pusat pemindahan berdekatan.

Pada peringkat awal kejadian iaitu pada 4 November, hanya beberapa lokasi dilaporkan dilanda banjir antaranya di Ladang Hong Seng, Jalan Mount Erskine dan Tanjung Bungah.

Bencana itu seterusnya berkembang ke daerah-daerah lain iaitu Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

Operasi menyelamatkan yang diketuai oleh Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang, Saadon Moktar itu berakhir pada 7 November lalu apabila banjir mulai surut.

Dalam kejadian yang berlangsung selama empat hari itu, seramai tujuh orang awam terkorban termasuk seorang mangsa warga Myanmar.

Secara keseluruhannya, operasi menyelamatkan berjalan lancar tanpa sebarang masalah dan tiada kecederaan yang berlaku terhadap anggota-anggota bomba terlibat.

Kelicinan operasi turut dibantu

oleh Pasukan Bomba Sukarela serta agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Kementerian Kesihatan Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM).

Seorang anggota bomba membersihkan lumpur di jalan raya ekoran kejadian tanah runtuh.



Salah sebuah rumah yang ditenggelami banjir.



Helikopter turut digunakan bomba untuk memindahkan mangsa banjir ke pusat pemindahan.

Antara rumah yang rosak teruk akibat dipukul ribut.

60%
kawasan di
Pulau Pinang
ditenggelami air

3,355
mangsa di pusat
pemindahan

7
mangsa
terkorban

736
anggota
bomba terlibat
dalam operasi
menyelamat

Aset JBPM

17
jentera bomba

12
kenderaan
pacuan 4x4

17
bot

9
lori

3
kenderaan
lain





Tan Sri Noh Haji Omar
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017



MINISTERS QUESTION TIME (MQT) - 7 NOVEMBER 2017
KESIAPSIAGAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT DALAM
MENGHADAPI CABARAN RISIKO BANJIR MUSIM TENGGUJUH



27,260 ANGGOTA BOMBA

**CUTI ANGGOTA BOMBA DIBEKUKAN*



SEMUA ASET SEDIA ADA SEPERTI
KENDERAAN MARIN, DARAT
DAN UDARA BOLEH DIGUNAKAN



554 ORANG ANGGOTA
DARI UNIT SCUBA



PENGAKTIFAN BILIK GERAKAN BANJIR
MAKLUMAT BANJIR DIKEMASKINI
2 KALI SETIAP HARI



www.kpkt.gov.my



[@kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)



[kpkt](https://www.instagram.com/kpkt)



[KPKT Malaysia](#)



www.nohomar.my



[mynohomar](https://www.facebook.com/mynohomar)

Pupuk kesedaran rakyat Malaysia

SAMBUTAN Hari Kitar Semula Kebangsaan 2017 pada 18 November 2017 meneruskan lagi usaha untuk memupuk kesedaran semua lapisan rakyat Malaysia terhadap amalan kitar semula.

Bertemakan #PeluangKedua (#SecondChance), ia bermaksud sisa dimanfaatkan semula daripada dilupuskan dan bumi berpeluang untuk dipelihara dan dipulihara melalui amalan mengurangkan, guna semula dan kitar semula sisa pepejal atau amalan 3R.

Tema tersebut juga turut membawa maksud masyarakat masih berpeluang dan tidak terlambat untuk memulakan amalan 3R.

Pada masa sama, ia menggalakkan pembudayaan amalan 3R sebagai langkah paling penting dan berkesan dalam menguruskan sisa pepejal secara mampan demi generasi akan datang.

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) selaku penganjur mengharapkan orang ramai di setiap peringkat umur dapat melaksanakan hasrat pembudayaan amalan 3R dan pengasingan sisa dalam kalangan masyarakat sebagai usaha menjaga habitat serta alam sekeliling demi mengekalkan kelestariannya.

Diharapkan amalan tersebut dapat dihayati dan diamalkan atas kesedaran melaksanakan tanggungjawab sebagai insan yang hidup di bumi ini yang perlu memeliharanya bagi kesejahteraan generasi akan datang.

Antara pengisian program adalah:

SENAMROBIK

Aktiviti senamrobik selama 30 minit diadakan sebelum pelepasan para peserta HKSK Fun Walk.

HKSK FUN WALK

Aktiviti berjalan kaki sejauh 1.5km di laluan sekitar Anjung Floria, Putrajaya.

PERTANDINGAN TREASURE HUNT

Pertandingan ini merupakan acara tahunan bermula pada tahun 2015. Pertandingan Treasure Hunt pada tahun 2017 diselenggarakan oleh SWCorp dengan kerjasama sukarelawan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM).

MAJLIS PERASMIAN

Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Omar dan disertai gimik perasmian serta montaj berkaitan #PeluangKedua.

Hari Kitar Semula Kebangsaan 2017

PENYAMPAIAN HADIAH

1. Pertandingan Kitar Semula

Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKISS) 2017 merupakan pertandingan tahunan oleh SWCorp melibatkan sekolah-sekolah di seluruh Malaysia.

2. 3R Sculpture Competition

Pertandingan mereka cipta barangan baharu daripada barangan kitar semula, dibuka kepada kepada warga Malaysia serta luar negara dan melibatkan kerjasama daripada Lembaga Seni Visual Negara.

3. Appreciation of Best Practices on Solid Waste Management 2017

Pengiktirafan kepada industri, komersial serta institusi yang mengamalkan amalan sifar sampah (zero waste) di agensi masing-masing.

4. Pertandingan Treasure Hunt

5. Pertandingan Lensa Hijau

Pertandingan fotografi bertemakan tabiat kebersihan rakyat Malaysia bagi mendapatkan hasil kreatif melalui karya fotografi sebagai medium penyebaran kesedaran kepada masyarakat.

SUMBANGAN KEMANUSIAAN ROHINGYA: NEGARAKU PRIHATIN

Kutipan derma kemanusiaan bagi membantu etnik Rohingya yang ditindas. Kutipan dibuat kepada pengunjung, peniaga, pempamer serta badan korporat.

PAMERAN

Sebanyak 20 ruang pameran disediakan melibatkan agensi kerajaan, agensi swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan tinggi serta industri.

PAMERAN SCULPTURE

Hasil pertandingan 3R Sculpture akan dipamerkan sebagai medium pendidikan kepada orang ramai ke arah mempromosikan amalan 3R.

BENGKEL UPCYCLING

Bengkel membuat barangan daripada barangan kitar semula ini melibatkan 3 aktiviti iaitu:

1. Membuat beg daripada t-shirt terpakai
2. Menanam pokok herba dalam tin minuman terpakai
3. Membuat batik daripada tisu.

BENGKEL WASTE ART FOR KIDS

Bengkel kepada kanak-kanak ini melibatkan 2 aktiviti iaitu:

1. Membuat kapal terbang daripada botol plastik dan kertas terpakai
2. Membuat kolaj daripada kertas terpakai.

CAR BOOT SALE

Sebanyak 30 car boot sale terlibat dalam program ini dengan keutamaan diberikan kepada peniaga yang menjual barangan terpakai.

CABUTAN BERTUAH

Beberapa cabutan bertuah disediakan sebagai tarikan pengunjung berupa basikal serta barangan elektrik.

FOOD TRUCK

Sebanyak 15 food truck disediakan dengan 5,000 kupon food truck diberikan secara percuma kepada pengunjung.

PENAMPILAN MASKOT

Maskot kanak-kanak Didi & Friends menceriakan suasana dengan penampilan istimewa dan persembahan pentas.

PLEDGE BOARD

Pledge board bertujuan untuk mengumpulkan harapan pengunjung berkaitan amalan 3R serta akujanji pengunjung untuk mengamalkan kitar semula.

PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN

Persembahan kebudayaan daripada Kumpulan Adimastuli, UPM.

PERSEMBAHAN REUZ BAND

Persembahan Reuz Band dari SWCorp menggunakan barangan kitar semula.



Tan Sri Haji Noh bin Omar menyerahkan replika baucar set peralatan bengkel kereta kepada seorang usahawan sambil diperhatikan Azzah Muyassarrah (kiri) dan Zamri bin Salleh (dua dari kiri).

Kejayaan memberangsangkan AZAM Bandar KPKT

USAHA kerajaan Persekutuan menangani kemiskinan bandar membuahkan hasil memberangsangkan apabila lebih 10,000 penduduk di Selangor berjaya dikeluarkan daripada kepompong kemiskinan menerusi program Akhiri Zaman Miskin (AZAM) Bandar yang dilaksanakan Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, kejayaan peserta program AZAM Bandar terserlah apabila produk keluaran usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) berjaya mendapat tempat di pasaran luar negara termasuk Brunei, Kazakhstan serta Singapura.

"Menerusi program ini, kami dapat melahirkan lebih ramai usahawan IKS yang berpendapatan tinggi, malah

*10,000 rakyat
Selangor keluar
kepompong
kemiskinan*

ada dalam kalangan mereka mampu mengeksport produk keluaran mereka ke luar negara, perkara ini sekali gus berjaya membawa golongan ini berada di zon selesa dan tidak lagi berada dalam golongan miskin bandar.

"Ini menjadi objektif kami sejak awal pelaksanaan program ini. Kita mahu usahawan IKS ini keluar daripada kepompong kemiskinan dan menjana pendapatan lebih tinggi," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis penutup Program AZAM Bandar Fasa 4 2017 Per-

ingkat Selangor yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan bandar), Zamri bin Salleh serta Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (MAHABAH), Azzah Muyassarrah.

Program berkenan yang merupakan satu daripada Program Pembasmian Kemiskinan Bandar yang dilaksanakan KPKT mulai 2013 itu berjaya memberi manfaat kepada kira-kira 10,000 penduduk dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Noh menambah, KPKT amat prihatin dengan masalah rakyat dan sentiasa membantu mereka yang miskin melalui program AZAM Bandar yang dilaksanakan dengan kerjasama 13 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk MAHABAH.

"Selain membantu golongan miskin,

program AZAM Bandar yang berpandu-kan Sistem e-Kasih turut bermatlamat meningkatkan kemahiran kumpulan sasar B40 di bandar sekali gus mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi," jelasnya.

Sementara itu, bagi seorang peserta, Nur Syuhada binti Ismail, 32, dari Klang melahirkan rasa bersyukur terpilih menyertai latihan keusahawanan tersebut dan akan memanfaatkan ilmu yang dipelajari dalam kursus latihan selama seminggu itu.

Dia berhasrat untuk membuka kedai jahit selepas menerima latihan jahitan dan mendapat sebuah mesin jahit untuk kegunaannya.

"Modal seperti mesin jahit yang diberikan oleh kerajaan ini akan digunakan sebaik mungkin untuk menyara keluarga," katanya.



Sebahagian usahawan yang menghadiri majlis penutup Program AZAM Bandar Fasa 4 2017 Peringkat Selangor.



Tan Sri Haji Noh bin Omar (kanan) beramah mesra dengan Nur Syuhada binti Ismail (dua dari kiri) selepas menyampaikan peralatan set mesin jahit pada majlis penutup Program AZAM Bandar Fasa 4 2017 Peringkat Selangor di Kuala Lumpur baru-baru ini.



*JBPM bantu mangsa banjir
Pulau Pinang muka 12*

Buletin Bandar

19 NOVEMBER 2017 • 30 SAFAR 1439



Komited bantu golongan miskin bandar

***AZAM Bandar KPKT lonjak
pendapatan peserta***

"MENERUSI program AZAM Bandar, kami dapat melahirkan lebih ramai usahawan IKS yang berpendapatan tinggi, malah ada dalam kalangan mereka mampu mengeksport produk keluaran mereka ke luar negara, perkara ini sekali gus berjaya membawa golongan ini berada di zon selesa dan tidak lagi berada dalam golongan miskin bandar."

TAN SRI HAJI NOH BIN OMAR, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15



*Konsep pasar sejahtera tumpu
aspek kebersihan muka 11*

ANJUNG FLORIA, PUTRAJAYA
18 November 2017 | 7.00 pagi - 5.00 petang

Dirasmikan:
YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Pupuk kesedaran rakyat Malaysia

muka 14